

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 08 APRIL 2014 (SELASA)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Kerajaan peruntuk RM70 juta kepada MaGIC lahir usahawan kreatif	Bernamea.com
2	RM70 juta untuk MaGIC lahir usahawan kreatif	Utusan Malaysia
3	Physta hasil kajian saintifik	Harian Metro
4	Palm oil reserves at lowest level in three years	The Malay Mail
5	'Continuous heavy rain can end rationing'	The Star
6	PSA, SIRIM sains perjanjian	Harian Metro
7	Prestasi kewangan MTDC kurang memuaskan	Berita Harian



## Kerajaan Peruntuk RM70 Juta Kepada MaGIC Lahir Usahawan Kreatif

PUTRAJAYA, 7 April (Bernama) -- Kerajaan memperuntukkan perbelanjaan sebanyak RM70 juta kepada Pusat Inovasi dan Kreatif Global Malaysia (MaGIC) untuk melahirkan lebih ramai usahawan dalam industri kreatif dan penyelidikan pembangunan di negara ini.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah berkata daripada jumlah itu sebanyak RM50 juta adalah daripada Bajet 2014 untuk membiayai keseluruhan tempoh setahun bermula Oktober tahun lepas.

Beliau berkata baki RM20 juta telah diperuntukkan daripada inisiatif kementerian menerusi dana pembiayaan keusahawanan sosial.

"Dalam pada itu, [Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi \(Mosti\)](#) juga turut terlibat secara tidak langsung dalam menyalurkan dana sebanyak RM30 juta untuk pembiayaan aktiviti keusahawanan dalam bidang bioteknologi," katanya pada sidang media mengenai MaGIC di Cyberjaya dekat sini hari ini.

MaGIC merupakan pusat sehati untuk golongan usahawan, yang menyediakan pelbagai kemudahan berkaitan keusahawanan termasuk permohonan pembiayaan untuk memulakan perniagaan, katanya.

Dalam pada itu, Mohd Irwan berkata sejumlah 7,000 usahawan muda berdaftar telah direkodkan dalam pangkalan data program Usahawan Malaysia (1MET).

1MET yang merupakan inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan, akan diletakkan di bawah MaGIC.

"1MET bermatlamat untuk memberi inspirasi dan menggalakkan golongan usahawan muda untuk berjaya dalam bidang yang mereka ceburi," katanya.

Beliau berkata program itu diwujudkan untuk memperkasakan kemahiran usahawan tempatan, memperkenalkan konsep sebenar keusahawanan kepada para peserta dan membantu membina jaringan keusahawanan tempatan yang berdaya saing.

-- BERNAMA



**KERATAN AKHBAR TEMPATAN  
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 8  
TARIKH: 08 APRIL 2014 (SELASA)**



**MOHD. Irwan Serigar Abdullah (dua dari kiri) bersama Agil Faisal Ahmad Fadzil (kiri), Jasmin Hor Myn-Li (dua dari kanan) dan Dash Dhakshinamoorthy memperkenalkan peranan MaGIC kepada bakal usahawan muda ketika sidang akhbar di Kuala Lumpur, semalam.**

## RM70 juta untuk MaGIC lahir usahawan kreatif

CYBERJAYA 7 April - Kerajaan memperuntukkan perbelanjaan sebanyak RM70 juta untuk Pusat Inovasi dan Kreatif Global Malaysia (MaGIC) bagi melahirkan lebih ramai usahawan industri kreatif dan penyelidikan pembangunan di negara ini.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah berkata, dalam jumlah tersebut, RM50 juta datang daripada Bajet 2014 untuk membiayai keseluruhan aktiviti MaGIC setahun bermula Oktober lalu.

Beliau berkata, sebanyak RM20 juta lagi merupakan inisiatif Kementerian melalui dana pembiayaan keusahawanan sosial kepada MaGIC.

"Selain itu, Kementerian Sains, Teknologi, Inovasi juga terlibat secara tidak langsung menyalur-

kan dana sebanyak RM30 juta bagi pembiayaan aktiviti keusahawanan dalam bidang bioteknologi.

"Peruntukan tersebut adalah untuk membolehkan aktiviti melahirkan usahawan di negara ini dapat berjalan dengan lancar," katanya dalam sidang akhbar selepas sesi penerangan MaGIC kepada media di sini hari ini.

Yang turut hadir, Presiden Pertubuhan Usahawan Generasi Muda Berjaya, Agil Faisal Ahmad Fadzil; Pengasas LogoDesignCreation.com & GizWiz Studio Sdn. Bhd., Jasmin Hor Myn-Li dan Presiden Technopreneurs of Malaysia (TeAM), Dash Dhakshinamoorthy.

MaGIC merupakan pusat sehenti kepada usahawan merangkumi segenap aspek kemudahan termasuk permohonan pembiayaan memula-

kan perniagaan masing-masing.

Sementara itu, Mohd. Irwan Serigar berkata, seramai 7,000 usahawan muda berdaftar telah direkodkan dalam pangkalan data program Usahawan Malaysia (1MET).

Beliau berkata, usahawan 1MET yang dilahirkan di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan itu akan diletakkan di MaGIC dalam usaha melahirkan lebih ramai usahawan.

"1MET bermatlamat memberi inspirasi dan menggalakkan golongan usahawan muda untuk berjaya dalam bidang yang mereka ceburi.

"Program ini dibentuk untuk memperkayakan kemahiran usahawan tempatan dan memperkenalkan konsep sebenar keusahawanan serta membantu membina persekitaran berdaya saing," katanya.



**FOKUS**

Oleh Mohd Sabran Md Sani  
 sab@mediaprima.com.my

**K**isah pesakit 'slip disc' yang ditayangkan menerusi projektor di sebuah bilik khas mencuri tumpuan penulis.

Video berdurasi kira-kira 10 minit itu menceritakan pengalaman perit dilalui pesakit terbita yang mengalami kecederaan pada bahagian pinggang semena-jak di bangku sekolah lagi.

Pelbagai rawatan dicuba sama ada urutan tradisional atau perubatan moden radio frekuensi, namun semua usaha tidak menampakkan sebarang kesan pemulihan.

Akhirnya pesakit terbita diperkenalkan dengan ekstrak herba tongkat ali ketika menyertai program khas di sebuah masjid di Putrajaya.

Selepas program itu, tidurnya lebih nyenyak dan selesa, malah solat Subuh dapat dilakukan dengan sempurna tanpa kesan ketegangan pada bahagian urat.

Demikian antara testimoni pengguna herba tempatan tongkat ali yang dapat dikongsi bersama penulis.

Khasiat herba tongkat ali atau nama saintifiknya *eurycoma longifolia* jack memang tidak dinafikan dunia perubatan moden.

Satu artikel disiarkan Pakar Sakit Tuan, Prof Emeritus Dr Mohd Ismail Tambi meletakkan spesies hutan berkenaan sebagai 'penawar pahit' yang mujarab untuk merawat pelbagai masalah kesihatan dan penyakit.

Prof Arif Adimoleja dari Universiti Surabaya Indonesia juga menyatakan spesies tongkat ali yang berasal dari negara ini mengandungi lebih banyak ramuan kesihatan terutama dalam membantu tenaga batin lelaki.

# Physta hasil kajian saintifik

Ekstrak tongkat ali larut air paling banyak menjalani kajian klinikal ke atas manusia sejak penghujung 1999



AKAR tongkat ali.

Sudah pastinya khasiat tongkat ali terkandung dalam akar umbinya (bahagian akar) yang mengandungi pelbagai alkaloid mujarab sebagai penawar.

Antaranya demam kura (malaria), penyakit alahan, mencegah demam, mengandungi elemen nyah kanser, mengandungi superoxide dismutase (SOD) yang berfungsi sebagai antioksidan dan antirheumatik (mengurangkan sakit otot dan sendi akibat rheumatik).

Semua fakta itu dikongsi Penasihat Usaha Sepakat Resources (Usaha Se-

pakat Resources), pengedar sah produk kesihatan berasaskan tongkat ali, Nu-Prep Lelaki.

Tongkat ali adalah salah satu daripada lima herba utama (termasuk kacip fatimah, misai kucing, hempe du bumi dan dukung anak) yang dibangunkan menerusi Projek Permulaaan (EPP) 1 bawah Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi Negara (NKEA).

Penulis berpeluang melawat Biotropics Malaysia Berhad, sebuah syarikat induk berkaitan kerajaan (GLC) yang dipertanggung-

jawabkan untuk menghasilkan produk bernilai tinggi berasaskan tongkat ali termasuk Nu-Prep Lelaki.

Lawatan dipandu Penolong Pegawai Pertanian, Unit Komunikasi, Jabatan Pertanian Putrajaya, Hakim Mohd Zin, Samzuri Karimon dan Sharim Sharif.

Pengurus Kanan Bahagian Perancangan Korporat, Haliza Ramli berkata, penubuhan syarikat pada 2007 sebagai satu inisiatif untuk menjayakan sektor pertanian di negara ini yang mempunyai potensi pelaburan.

"Selain itu, ia boleh menajana pendapatan dan menaikkan ekonomi negara dalam bidang pertanian khususnya sektor herba.

"Negara kita sangat bertuah kerana dianugerahkan dengan kekayaan biodiversiti (kepelbagaian bio) yang boleh diguna pakai secara bertanggungjawab untuk tujuan pembangunan ekonomi," katanya.

Menurutnya, jurang kepada industri herba untuk berkembang pesat adalah dari aspek pemasaran, perlindungan paten dan penyelidikan berterusan.

"Produk kita bagus dan berpotensi besar untuk diketengahkan ke pasaran antarabangsa. Apabila kita ingin memasarkan produk ke pasaran antarabangsa, kita dikehendaki supaya memastikan produk kita ada jaminan dan sudah menjalani kajian klinikal.

"Tujuannya untuk memastikan ia selamat dimakan dan berkesan. Namun, kebanyakan produk keluaran kita kurang elemen ini," katanya.

Sehubungan itu, Haliza



ZULKARNAIN Md Khamis (kiri) dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Biotropics, Tengku Shahrir Tengku Adnan menunjukkan bahan mentah akar tongkat ali untuk penghasilan ekstrak.



HALIZA bersama tongkat ali yang digunakan untuk menghasilkan ekstrak.



# KERATAN AKHBAR HARIAN METRO (AGRO) : MUKA SURAT V5 TARIKH : 08 APRIL 2014 (SELASA)



ALAT pensterilan bagi menyah kuman dan bakteria.



PEKERJA memberikan taklimat berkaitan operasi syarikat.



PELAWAT mengambil peluang mengunjungi kilang pemrosesan tongkat ali.

berkata. Biotropics ditubuhkan sebagai satu 'kenderaan' yang dimandatkan untuk menjayakan matlamat berkenaan.

"Di sinilah bermulanya Biotropics dan proses pemuatannya mengambil kira pelbagai aspek.

"Kita akan lihat kultivar, bahagian penanaman dan menjalankan kajian saintifik termasuk kajian toksikologi dan klinikal, pembangunan produk dan pendaftaran produk untuk pasaran dalam dan luar negara.

"Menjadi tanggungjawab kami untuk memastikan setiap pecahan dalam rangkaian ini dibangunkan dengan mematu spesifikasi, piawaian dan kualiti yang memenuhi pengiktirafan antarabangsa," katanya.

Syarikat katanya, tidak berseorangan dalam menjayakan matlamat berkenaan, sebaliknya menjalinkan kerjasama serta mendapat bimbingan daripada pelba-

gai pihak.

"Apabila menjayakan projek ini (herba), kami tidak boleh menumpukan kepada syarikat semata mata, sebaliknya sangat memerlukan sokongan semua badan kerajaan dan universiti tempatan."

"Disebabkan kami terlibat dalam bahagian herba dan pertanian, kerjasama perlu dijalinan bersama Jabatan Pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta universiti tempatan," katanya.

Jaringan kerjasama itu bukan saja untuk meningkatkan pengetahuan berkaitan industri herba, sebaliknya mendapatkan dana untuk meneruskan projek pembangunan herba ke pasaran antarabangsa.

"Kerjasama ini memang sangat membantu syarikat dari aspek pemindahan pengetahuan, apatah lagi pihak berkenaan sudah lama berkecimpung dalam bidang ini, sekali gus kerjasama ini umpama saling melengkapi.

"Dari situ kami belajar aspek penanaman, prosedur dan lokasi sesuai penanaman serta mendapatkan pelbagai cadangan dalam penambahnilaian proses dan produk kami," katanya.

Lebih 200 jenis herba menjalani proses penyaringan saintifik di Biotropics iaitu membabitkan herba popular dan sebaliknya yang

ditemui secara luas di pasar malam, taman herba serta digunakan masyarakat Melayu dan Orang Asli.

"Kami di Biotropics mahu membangunkan herba Malaysia terutama yang terbukti keberkesannya secara tradisi.

"Jadi, daripada penyaringan saintifik ini kita lihat aktiviti molekul yang dapat diketengahkan daripada sesuatu herba itu mempunyai hubungan kuat dengan sesuatu indikasi kesihatan atau penyakit," katanya.

Hasil daripada saringan dilakukan, tongkat ali dipilih sebagai salah satu herba untuk dibangunkan Biotropics, bukan saja kerana ia sangat popular dalam kalangan penduduk di negara ini, tetapi lebih penting ia antara herba yang mempunyai aktiviti saintifik amat menyeluruh.

"Tongkat ali diguna pakai dari dulu dan semua orang tahu hakikat ini, tetapi ramai yang masih belum tahu bahawa banyak kajian saintifik sudah dilakukan ke atasnya.

"Kami jalankan ujian ke atasnya untuk ketengahkan produk berasaskan tongkat ali yang boleh memberi kesan kesihatan, penambahbaikan atau penambahan dalam kesihatan manusia," katanya.

Katanya, matlamat syarikat mahu memastikan produk yang hendak dipa-

sarkan memenuhi aspek keselamatan serta melalui ujian tertentu yang dapat membuktikan keberkesanan dan kemujaraban tinggi.

"Apabila kita pasarkan produk ini, kita mesti bertanggungjawab untuk pastikan ia melalui semua ujian yang perlu dipatuhi," katanya.

Ketika ini syarikat berkenaan menghasilkan ekstrak tongkat ali menggunakan proses pembuatan yang sudah dipatenkan bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Massachusetts Institute of Technology (MIT), Amerika Syarikat.

Ekstrak dinamakan Physta Ia adalah satu ekstrak tongkat ali yang larut air, malah paling banyak

menjalani kajian klinikal ke atas manusia sejak penghujung 1999 di beberapa pusat pengkajian perubahan tempatan dan antarabangsa.

Antara kesan Physta tongkat ali yang dibuktikan secara saintifik ialah meningkatkan tenaga, mengatasi kelesuan, melancarkan pengedaran darah, meningkatkan kesihatan lelaki, merangsang peningkatan saiz otot dan berat tulang.

Ekstrak tongkat ali ini sudah membusi pasaran luar negara seperti Amerika Syarikat, Kanada, Jepun, Russia, Hong Kong, Australia dan Singapura.



RUANG pameran di luar negara.



AKTIVITI penanaman semula tongkat ali.



AARON Aziz (dua dari kiri) menjadi duta produk tongkat ali.



POKOK tongkat ali.



## Palm oil reserves at lowest level in three years

**KUALA LUMPUR** — Palm oil stockpiles in Malaysia, the biggest supplier after Indonesia, probably declined for a third month in March, falling to the lowest level in three years, according to estimates compiled by Bloomberg.

Inventories fell 3.6 per cent from a month earlier to 1.6 million tonnes, the lowest since February 2011, according to the median of six estimates from plantation companies, analysts and traders. Output climbed 11 per cent to 1.42 million tonnes, recovering from the lowest level in 22 months, while exports decreased three per cent to 1.31 million tonnes, the least since July 2012, the survey showed. The Malaysian Palm Oil Board will release official data on April 10.

Palm oil, used in everything from noodles to biofuels, dropped from an 18-month high in March to trim the advance to 10 per cent in the past year as rains eased concern dry weather would cut yields. Output typically

starts to increase in March after declining in the first two months because of growing cycles. Prices may rise in the next four to eight weeks amid tightening world supplies and rising domestic demand in Indonesia, Oil World said on March 25.

"Exports just edged a bit lower so in total it did consume the supply," Hiro Chai, an associate director at CIMB Futures, said. While selling on the improving weather outlook is "still very strong," prices should be supported above RM2,600 a tonne, he said.

Futures traded at RM2,642 on the Bursa Malaysia Derivatives at the midday break, after reaching RM2,916 on March 11, the highest level since September 2012.

Malaysia may have more frequent thunderstorms and heavy rainfall during the inter-monsoon season that will last until early May, the **Meteorological Department** said on March 27. Areas in Selangor are still undergoing a water rationing exercise which will

only be called off when dam capacity hits 55 per cent, media reported April 3, citing Menteri Besar Tan Sri Khalid Ibrahim.

Inventory build-up will be limited as demand should increase in the second quarter due to restocking by importers before Hari Raya Puasa in July, according to Alan Lim Seong Chun, an analyst at Kenanga Investment Bank Bhd, who forecasts prices to stay above RM2,600 for the rest of the year.

Communal meals typically boost demand during Ramadan, which starts at the end of June this year. Exports fell 3.1 per cent to 1.21 million tonnes in March, according to Intertek, a cargo surveyor.

World stockpiles will reach 9.8 million tonnes by September 30 from 9.99 million tonnes the prior season, said Oil World, a Hamburg-based researcher. Reserves will be 1.6 million tonnes smaller than a year earlier by the end of March, it said. Initiatives to boost biodiesel use in Indonesia, which has

raised fuel blending rates, mean consumption will rise by 1.6 million tonnes from a year earlier, making the country the "growth leader" for demand globally, Oil World said.

Dry weather in February and a possible El Nino weather pattern later this year may boost prices, Dorab Mistry, director at Godrej International Ltd in London, said on March 21. Futures in Kuala Lumpur may reach RM3,000 once there is confirmation dryness cut production and an El Nino is coming.

The looming El Nino, which can also parch Australia while bringing rains to South America, may start changing world weather from May, said Drew Lerner, president at World Weather Inc in Overland Park, Kansas. The event will probably decrease grain and oilseed output in India, eastern Australia, Indonesia, Malaysia and some parts of mainland Southeast Asia, he said on April 3. — Bloomberg

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN  
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 16  
TARIKH: 08 APRIL 2014 (SELASA)**

## 'Continuous heavy rain can end rationing'

**By PATRICK LEE**  
patrick.lee@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Selangor needs a continuous spate of daily heavy rain over the next few weeks if water rationing here is to end.

This is unlikely, said Association of Water and Energy Research (AWER) president S. Piarapakaran, adding that the recent rainfall was not enough to replenish the drying dams in the state.

"The rainfall pattern is not as heavy as it used to be. There might be an increase in this short period of time, but it's just a small increase.

"If we have continuous heavy rain over the next two weeks, we would not be going into the next stage of water rationing," he told *The Star*.

Piarapakaran said rain in Selangor was at a "medium" level, adding that high-intensity rain would result in flash floods.

It was previously reported that water rationing here will end when

capacity levels at the Sungai Selangor dam reach 55%.

However, Malaysian Meteorological Department central forecasting office director Muhammad Helmi Abdullah said heavy rainfall was likely in some parts of Malaysia over the next few months.

"It can be heavy at times, but not all places will receive the same kind of weather," he said.

Muhammad said rain would continue to fall from May to September, though at a lesser portion – about 100mm to 150mm each month.

He also expected water in dams in the state not to dry up as quickly as in February and March, adding that higher humidity due to recent rain decreased local evaporation rates.

A state-wide forecast said isolated afternoon thunderstorms were expected throughout this week, with isolated rain continuing at night until Thursday.

When asked if the Government could set up infrastructure to divert

stormwater from rained-on areas to those served by water catchment areas, Piarapakaran said this was very expensive to do.

"If we want to go into stormwater management, we need to redesign our entire drain management system. There are all sorts of chemicals in them, and we need to ensure the water is clean," he said.

He said he was not confident that water authorities here were up to par in taking action against river polluters, adding that Malaysia had to decrease its non-revenue water and increase its dam capacity first.

Dam readings by LUAS, the Selangor Water Management Authority, were shown to have increased slightly over the past few days.

As of Monday morning, these were: 78.27% (Batu), 53.96% (Klang Gates), 49.35% (Langat), 71.22% (Semenyih), 37.31% (Sg Selangor), 61.46% (Sg Tinggi) and 87.24% (Tasik Subang).

Some 6.7 million people in Selangor face water rationing.



KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 32  
TARIKH: 08 APRIL 2014 (SELASA)

**Shah Alam:** Politeknik Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah (PSA) dan SIRIM Standards Technology Sdn Bhd (SST) menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) sebagai rakan kerjasama aktiviti Pengkormesilan dan Servis Teknikal Peralatan Biomedikal, di sini, semalam.

Kerjasama terbabit membolehkan industri perubatan biomedikal di Malaysia berkembang pesat serta dapat memberikan perkhidmatan teknikal yang lebih berkualiti kepada pesakit sekali gus memperkasakan makmal tempatan setanding dengan makmal antarabangsa.

Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik Datuk Mohlis Jaafar berkata, PSA mengambil inisiatif untuk membangunkan Pusat Teknologi Eletronik Perubatan (CMET) serta terdapat sebuah makmal bacaan penentuan (BMCL) yang berfungsi untuk membangunkan peralatan elektronik yang digunakan di hospital untuk mendapat bacaan yang tepat.

"Malah BMCL turut dianugerahkan Persijilan Skim Akreditasi Makmal Malaysia

## PSA, SIRIM sain perjanjian



**DARI** kiri Mohlis bersama Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan, Datuk Dr Zaini Ujang, Presiden SIRIM, Dr Zainal Abidin Mohd Yusof dan Naib Presiden Perkhidmatan Teknikal SIRIM, Azim Ng Abdullah melihat dokumen selepas majlis menandatangani MoA, semalam.

(MS ISO 17025) bermula 2012 dan ini membuktikan makmal ini mematuhi keperluan piawaian makmal antarabangsa dalam menjalankan aktiviti kalibrasi peralatan biomedikal," katanya ketika ditemui selepas Majlis Menandatangani MoA di antara

PSA dan SIRIM Standards Technology Sdn Bhd (SST) semalam.

Selain itu makmal ini juga berupaya memberikan program latihan merangku mi pembangunan kualiti dan modal insan, pemindahan teknologi, perkhidmatan

teknikal serta program pemantauan.

Beliau berkata, melalui perjanjian ini, SIRIM akan membantu mempertingkatkan peningkatan kualiti perkhidmatan yang diberikan melalui penjenamaan dan pemasaran.



## Prestasi kewangan MTDC kurang memuaskan

**Prestasi** kewangan Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC), anak syarikat Khazanah Nasional Bhd kurang memuaskan susulan kerugian bersih pada 2010, 2011 dan 2012, di sebalik untung kasar dicatatkan bagi ketiga-tiga tahun berkenaan.

Walaupun untung kasar RM2.12 juta (2010), RM8.24 juta (2011) dan RM4.11 juta (2012), kerugian bersih bagi ketiga-tiga tahun itu masing-masing RM8.23 juta, RM17.34 juta dan RM31.73 juta, antara puncanya kerana kemerosotan nilai pelaburan berjumlah RM7.67 juta, RM24.78 juta dan RM34.22 juta bagi ketiga-tiga tahun itu.

### **Kelemahan MTDC**

Audit turut mendapati beberapa kelemahan dalam MTDC seperti Petunjuk Prestasi Utama (KPI) tidak tercapai, prestasi kelulusan dan pembayaran geran tidak mencapai sasaran, perancangan program geran yang kurang jelas dan peruntukan merosot nilai pelaburan semakin meningkat.

Antara lain, penerimaan wang geran tidak direkodkan dalam penyata kewangan tahunan, pengurusan faedah simpanan tetap tanpa perancangan dan pemantauan berkesan serta kelewatan kelulusan dan pembayaran geran yang menjejaskan pelaksanaan projek.

Bagi memantapkan keupayaan dan tadbir urus korporat MTDC, lembaga pengarahnya disyorkan membuat pemantauan lebih rapi terhadap pencapaian KPI dan pengeluaran geran, merancang lebih teliti termasuk kajian prestasi projek terdahulu serta menjalankan kajian awal bagi penetapan kriteria penepatan permohonan dan penilaian

“*Turut disyorkan, penilaian semula aktiviti pelaburannya dengan menetapkan polisi had pelaburan serta memastikan semua geran yang diterima direkodkan dalam akaun MTDC. Pengurusannya perlu memantau lebih terperinci tunggakan sewa inkubator, sediakan pangkalan data lengkap dalam urusan kutipan serta tingkatkan amalan tadbir urus syarikat*”

### **Sumber**

penerima geran.

“Turut disyorkan, penilaian semula aktiviti pelaburannya dengan menetapkan polisi had pelaburan serta memastikan semua geran yang diterima direkodkan dalam akaun MTDC. Pengurusannya perlu memantau lebih terperinci tunggakan sewa inkubator, sediakan pangkalan data lengkap dalam urusan kutipan serta tingkatkan amalan tadbir urus syarikat,” katanya.

Konsep pengurusan portfolio pelaburan berkesan boleh memberikan pulangan yang menarik serta MTDC perlu memperkemaskan Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk mengurangkan risiko kerugian dalam pelaburan.